

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

AMU 402 - Pengurusan Barangan

Masa : [3 Jam]

---

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Apabila firma anda telah mencapai tahap multi-nasional dan mempunyai portfolio yang pelbagai, anda perlu mengimbangkan faktor-faktor seperti kestabilan pulangan, risiko dan aliran dana. Berasaskan kefahaman anda tentang konsep pengurusan produk, bincangkan satu kaedah yang sesuai untuk menguruskan portfolio yang berbeza ini.

[25 markah]

2. Produk baru amat penting bagi mengekalkan keuntungan firma, dan hanya firma yang inovatif yang berkemampuan berbuat demikian. Namun begitu kesemua produk adalah tertakluk kepada faktor litar pusingan hayat. Sekiranya tidak diurus dengan baik produk akan menghadapi kegagalan. Kenalpastikan dan bincangkan strategi-strategi yang anda fikirkan penting dalam proses menguruskan produk di sepanjang litar pusingan hayatnya.

[25 markah]

3. Ujian konsep merupakan salah satu daripada urutan proses perancangan dan pembentukan produk. Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan konsep ini dan kenalpastikan kepentingan-kepentingannya.

[25 markah]

...2/-

4. Dalam mereka dan mengimplementasikan model produk baru, satu imbangan perlu dicapai di antara validiti dan utiliti produk. Sebagai ahli pemasaran cadangan kaedah yang boleh digunakan untuk mencapai objektif tersebut. [25 markah]
  
5. Satu sistem saluran pengedaran yang baru dapat mengerakkan semula pertumbuhan produk apabila ianya telah mencapai tahap saturasi di dalam litar pusingan hayatnya. Bincangkan faktor-faktor yang perlu diberikan perhatian di dalam melakukan analisa strategi saluran bagi mencapai objektif ini.

[25 markah]

-- oooo000oooo --